

08 APR 2003

Khalil-Umno

ANGGOTA UMNO PERLU UTAMAKAN PILIHAN RAYA DARIPADA CALON TPM

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Anggota Umno dinasihatkan supaya mengutamakan usaha memperkemaskan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya umum di sebalik memikirkan soal calon Timbalan Perdana Menteri, kata Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob.

Umno di semua peringkat perlu tumpu pada hal lain yang lebih penting iaitu melicinkan perjalanan jentera parti di semua cawangan dan bahagian, katanya.

"Di kala ini kita tertumpu pada banyak hal lain lagi iaitu daripada segi pemisahan kawasan pilihan raya, penubuhan jawatankuasa penaja untuk kita melicinkan perjalanan cawangan-cawangan dan kita juga perlu membersihkan keanggotaan termasuk juga pengundi.

"Ini adalah antara tugas-tugas untuk kita uruskan pada tahun ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq Kementerian Penerangan di Angkasapuri hari ini.

Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata nasihat Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu calon Timbalan Perdana Menteri itu sudah cukup jelas.

"Saya percaya semua pengerusi badan perhubungan negeri telah mengambil iktibar tentang apa yang dinyatakan oleh Pemangku Perdana Menteri dan dengan itu saya yakin perkara ini tidak akan timbul lagi kerana semua anggota faham," katanya.

Khalil berkata beliau percaya yang semua anggota Umno dapat memahami nasihat itu kerana penangguhan pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian sehingga selepas pilihan raya adalah bagi mengelakkan berbangkitnya isu pengganti kepada Timbalan Perdana Menteri.

Dalam laporan media hari ini, Abdullah mengingatkan semua bahagian Umno supaya tidak menamakan calon untuk jawatan tertentu termasuk jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Abdullah membuat kenyataan itu merujuk kepada usul Umno Bahagian Chenderoh pada Ahad lepas supaya Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak mengambil alih jawatan Timbalan Perdana Menteri selepas Abdullah menggantikan Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada Oktober ini.

Abdullah berkata, biarlah beliau sendiri mengumumkan siapa bakal mengisi jawatan-jawatan itu apabila tiba masanya nanti.

Sementara itu beberapa lagi pemimpin Umno juga menyatakan pandangan bahawa anggota parti harus memberi keutamaan kepada usaha-usaha mempersiapkan Umno menghadapi pilihan raya umum akan datang dan ketepikan dulu soal siapa yang bakal menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Ketua Puteri Umno Azalina Othman Said berkata anggota parti tidak harus tersasar daripada matlamat untuk menentukan Umno dan Barisan Nasional (BN) memenangi sebanyak yang mungkin kawasan pilihan raya dan menawan semula Terengganu dan Kelantan daripada Pas.

Azalina berkata Puteri Umno berpendapat bahawa buat masa ini tidak timbul soal pemilihan seseorang sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana ia menjadi hak Perdana Menteri untuk menentukannya.

"Puteri Umno juga berpendapat bahawa mana-mana anggota parti bebas untuk bersuara tetapi pandangan itu tidak terikat kerana Umno mengamalkan demokrasi dan masih pegang kepada tradisi," katanya.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata pandangan bahagian-bahagian Umno tentu akan diambil kira oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila beliau menjadi Presiden parti dan

Perdana Menteri nanti.

"Kita kena terima hakikat bahawa ini (Timbalan Perdana Menteri) akan ditentukan oleh beliau (Abdullah) selaku Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno ditentukan pula oleh anggota parti," katanya.

Pengerusi Perhubungan Umno Sabah Datuk Musa Aman pula berkata Umno di negeri itu menyambut baik saranan dan nasihat Abdullah agar tidak menamakan calon bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri ataupun jawatan lain dalam parti.

"Jadi saya harap jangan kita buat andaian," katanya.

Musa yang juga Ketua Menteri Sabah berkata setakat ini belum ada bahagian-bahagian Umno di negeri itu yang berbuat demikian (menamakan calon Timbalan Perdana Menteri) kerana memahami Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk melantik timbalannya.

-- BERNAMA

MK MFJ PR